



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### TATACARA PENGURUSAN KESIHATAN BAGI PENGEMBARA YANG MENGGUNAKAN LALUAN HIJAU TIMBAL BALIK (*RECIPROCAL GREEN LANE; RGL*) DAN PENGATURAN ULANG ALIK BERKALA (*PERIODIC COMMUTING ARRANGEMENT; PCA*) ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA BERMULA 10 OGOS 2020

#### PENGENALAN

Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif Laluan Hijau Timbal Balik (*Reciprocal Green Lane; RGL*) dan Pengaturan Ulang Alik Berkala (*Periodic Commuting Arrangement; PCA*), dengan tarikh pelaksanaan yang disasarkan pada 10 Ogos 2020 bagi memenuhi keperluan penduduk kedua-dua negara, membabitkan perjalanan rentas sempadan. Ini merujuk kepada kenyataan bersama yang telah diumumkan oleh Menteri Luar Negeri Malaysia dan rakan sejawatannya dari Singapura, pada 14 Julai 2020.

Individu yang melakukan perjalanan di bawah kedua-dua skim ini perlu memenuhi syarat yang ditetapkan dan mematuhi langkah pencegahan kesihatan awam berhubung COVID-19 yang disepakati oleh kedua-dua negara, termasuk keperluan untuk menjalani ujian pengesahan yang berkaitan.

Skim RGL membolehkan perjalanan rentas sempadan bagi urusan rasmi dan perniagaan penting antara kedua-dua negara, dengan tempoh maksima untuk tinggal di destinasi tidak melebihi dari empat belas (14) hari. Mereka yang melakukan perjalanan di bawah skim ini juga perlu menyerahkan kepada pihak berwajib kedua-dua negara; jadual perjalanan dan lokasi penginapan yang telah dikenalpasti sepanjang tempoh lawatan mereka. Perlaksanaan skim ini adalah terhad kepada suatu nilai kuota yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua negara.

Bagi skim PCA pula, ianya membolehkan rakyat Singapura dan Malaysia yang memegang pas lawatan sosial jangka panjang untuk tujuan perniagaan dan bekerja, melaksanakan perjalanan rentas sempadan antara kedua negara. Setelah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan berturut-turut tinggal di negara tempat mereka bekerja, mereka boleh balik ke negara asal untuk tujuan cuti pendek. Tempoh cuti pendek tersebut adalah sekitar 2 hingga 4 minggu dan ianya tertakluk kepada persetujuan serta ketetapan antara pekerja dengan majikan. Mereka kemudiannya akan masuk semula ke negara tempat mereka bekerja untuk tempoh sekurang-kurang tiga (3) bulan yang seterusnya.

#### LOKASI PELAKSANAAN

##### **Skim RGL:**

- a. Lapangan Terbang di Malaysia dan Singapura yang mempunyai penerbangan tanpa henti melibatkan laluan tersebut; dan
- b. Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) laluan darat Johor-Singapura.

**Skim PCA:**

- a. Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) laluan darat Johor-Singapura.

**KAEDAH PELAKSANAAN BERKAITAN ASPEK KESIHATAN****A. LALUAN HIJAU TIMBAL BALIK  
(RECIPROCAL GREEN LANE; RGL)**

Sila rujuk kepada carta alir pada ‘Lampiran 1A’ dan ‘Lampiran 1B’ yang merumuskan secara ringkas mengenai kaedah pelaksanaannya. Untuk makluman, pengembara perlu menanggung sepenuhnya kos ujian-ujian pengesahan COVID-19 yang dijalankan di Malaysia.

Sehubungan itu, berikut adalah tatacara pengurusan kesihatan bagi **pengembara yang baru tiba dari Singapura** (merujuk kepada carta alir pada ‘Lampiran 1A’):

- Pengembara dikehendaki untuk memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki Malaysia ke dalam telefon pintar mereka. Pautan bagi aplikasi tersebut adalah seperti berikut: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my>
- Pengembara perlu menjalani ujian PCR COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas ke Malaysia, dengan memperolehi keputusan yang negatif. Keputusan ujian tersebut perlu dikemukakan kepada pihak kesihatan di PMA dalam bentuk laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar dan dilaksanakan oleh makmal yang diperakui oleh Kementerian Kesihatan Singapura. Hanya laporan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja yang diterima.
- Semasa ketibaan di PMA mereka perlu melalui saringan demam dan gejala yang dijalankan. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- **Pengurusan Pengembara Di PMA Yang Mempunyai Fasiliti Ujian Pengesahan COVID-19:** Pengembara tersebut seterusnya tertakluk untuk menjalani ujian *rapid test kit antigen* (RTK Ag.) COVID-19 yang disediakan di kawasan PMA sejurus tiba di Malaysia. Sekiranya keputusan ujian RTK Ag. tersebut didapati negatif, mereka akan terus bergerak meninggalkan PMA dengan menggunakan pengangkutan yang telah disediakan oleh pihak penajanya di Malaysia dengan kadar segera tanpa sebarang penangguhan ke penginapan bukan kediaman (*non-residential*) yang telah dikenalpasti.

Sekiranya keputusan ujian RTK Ag. tersebut didapati positif, pengembara terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

- **Pengurusan Pengembara Di PMA Yang Tidak Mempunyai Fasiliti Ujian Pengesahan COVID-19:** Semasa tiba di PMA, pengembara ini perlu diberikan barangang berikut oleh anggota kesihatan yang bertugas:

- i. Borang Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Seksyen 15 (1) Akta 342 yang telah dilengkapkan;
- ii. Gelang tangan (*wristband*) pengawasan untuk dipakai selama tempoh menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di penginapan bukan kediaman (*non-residential*) yang telah dikenalpasti – iaitu sementara menunggu keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang perlu dijalani dalam tempoh tidak melebihi 24 jam selepas tiba di Malaysia;
- iii. Helaian yang mengandungi perincian mengenai *Home Assessment Tool* (HAT) atau memaklumkan kepada pengembara mengenai fungsi kemaskini status kesihatan (HAT) yang juga boleh diakses melalui aplikasi MySejahtera.

Anggota kesihatan juga perlu menjelaskan kepada pengembara tersebut mengenai tanggungjawabnya untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19; samada melalui kaedah *polymerase chain reaction* (PCR) atau RTK Ag. di mana-mana fasiliti kesihatan diiktiraf KKM yang menawarkan perkhidmatan tersebut, tanpa sebarang kelengahan – iaitu dalam tempoh tidak melebihi 24 jam selepas tiba di Malaysia.

Selepas itu, mereka akan terus bergerak meninggalkan PMA dengan menggunakan pengangkutan yang telah disediakan oleh pihak penajanya di Malaysia dengan kadar segera tanpa sebarang penangguhan ke penginapan bukan kediaman (*non-residential*) yang telah dikenalpasti tanpa singgah di mana-mana kawasan selain darinya, sementara menunggu keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang telah dijalankan.

Mengambilkira arahan Perintah Pegawasan dan Pemerhatian yang telah dikeluarkan ke atasnya sepanjang tempoh tersebut – kegagalan beliau untuk mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 22 Akta 342 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 24 Akta 342. Justeru, pihak penajanya perlu memastikan pengembara tersebut kekal berada di penginapannya, sementara menunggu keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang telah dijalankan.

Sekiranya keputusan ujian pengesanan COVID-19 tersebut didapati negatif, pihak penajanya perlu membawa pengembara tersebut ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan pelepasan dari menjalani Perintah Pegawasan dan Pemerhatian serta gelang tangan pengawasan akan ditanggalkan oleh Pegawai Yang Diberikuasa.

Sekiranya keputusan ujian pengesanan COVID-19 tersebut didapati positif, pengembara terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

- Pergerakan pengembara tersebut, sepanjang tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari di Malaysia, adalah tertakluk kepada jadual perjalanan terkawal (*controlled itinerary*) yang telah diperincikan. Perjalanannya sepanjang berada di Malaysia adalah terhad kepada urusan tugas rasmi

sahaja. Disamping itu, beliau perlu menggunakan pengangkutan yang telah disediakan oleh pihak penajanya dan sama sekali tidak dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam bagi bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain sepanjang berada di Malaysia.

- Pengembara tidak perlu menjalani sebarang ujian pengesanan COVID-19 sejurus sebelum berlepas pulang ke Singapura dan sebaik tiba di sana beliau adalah tertakluk kepada pengurusan kesihatan sedia ada yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Singapura.

Seterusnya, berikut adalah tatacara pengurusan kesihatan bagi pengembara **Malaysia yang baru pulang dari perjalannya di Singapura** (merujuk kepada carta alir pada ‘Lampiran 1B’):

- Untuk makluman, pengembara bagi kategori ini perlu menjalani ujian PCR COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas ke Singapura, dengan memperolehi keputusan yang negatif. Ini merupakan sebahagian dari syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Singapura bagi permohonan ‘SafeTravel Pass’.
- Setelah selesai menjalani urusannya di Singapura untuk suatu tempoh yang tidak melebihi empat belas (14) hari, pengembara dikehendaki untuk memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum beliau memasuki Malaysia ke dalam telefon pintar mereka, melalui pautan seperti berikut: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my>
- Semasa ketibaan di PMA mereka perlu melalui saringan demam dan gejala yang dijalankan. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Pengembara tersebut seterusnya perlu menjalani kuarantin wajib selama empat belas (14) hari di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Mereka perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin tersebut berdasarkan kos yang telah dipersetujui. Setiap individu yang terlibat juga perlu menandatangani Borang Aku Janji dan Indemniti (LoU) sebagai persetujuan membayar kos kuarantin yang dikenakan. Perincian lanjut mengenainya boleh diakses melalui garispanduan yang terdapat di laman sesawang berikut: <http://www.nadma.gov.my/info/panduan-kebenaran-memasuki-malaysia-mulai-24-julai-2020>
- Proses daftar keluar individu terbabit daripada Stesen Kuarantin adalah mengikut ketetapan sedia ada yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau perlu menjalani ujian *rapid test kit antibody* (RTK Ab.) COVID-19 pada hari ke-13. Sekiranya keputusan ujian tersebut didapati negatif, beliau akan diberikan pelepasan dari menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian, serta akan dibenarkan meninggalkan Stesen Kuarantin untuk pulang ke rumah pada hari ke-14.

Sekiranya keputusan ujian tersebut didapati positif, individu terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

## B. PENGATURAN ULANG ALIK BERKALA (*PERIODIC COMMUTING ARRANGEMENT; PCA*)

Sila rujuk kepada carta alir pada ‘Lampiran 2A’ dan ‘Lampiran 2B’ yang merumuskan secara ringkas mengenai kaedah pelaksanaannya. Untuk makluman, pengembara perlu menanggung sepenuhnya kos ujian-ujian pengesahan COVID-19 yang dijalankan di Malaysia.

Sehubungan itu, berikut adalah tatacara pengurusan kesihatan bagi **rakyat atau penduduk tetap (*permanent resident; PR*) Malaysia** yang memasuki Malaysia di bawah skim PCA dan memiliki ‘PCA Pass’ sah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Singapura (merujuk kepada carta alir pada ‘Lampiran 2A’):

- Pengembara dikehendaki untuk memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki Malaysia ke dalam telefon pintar mereka. Pautan bagi aplikasi tersebut adalah seperti berikut: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my>
- Semasa ketibaan di PMA mereka perlu melalui saringan demam dan gejala yang dijalankan. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Semasa tiba di PMA, pengembara ini perlu diberikan barang berikut oleh anggota kesihatan yang bertugas:
  - i. Borang Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Seksyen 15 (1) Akta 342 yang telah dilengkapkan;
  - ii. Gelang tangan (*wristband*) pengawasan untuk dipakai selama tempoh menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian, iaitu sementara menunggu keputusan ujian PCR COVID-19 yang dijalani sejurus tiba di Malaysia;
  - iii. Helaian yang mengandungi perincian mengenai *Home Assessment Tool (HAT)* atau memaklumkan kepada pengembara mengenai fungsi kemaskini status kesihatan (HAT) yang juga boleh diakses melalui aplikasi MySejahtera.

Anggota kesihatan juga perlu menjelaskan kepada pengembara tersebut mengenai tanggungjawabnya untuk menjalani ujian PCR COVID-19; di mana-mana fasiliti kesihatan diiktiraf KKM yang menawarkan perkhidmatan tersebut, tanpa sebarang kelengahan – iaitu dalam tempoh tidak melebihi 24 jam selepas tiba di Malaysia.

Selepas itu, mereka akan terus bergerak meninggalkan PMA untuk menjalani kuarantin di kediaman (bagi individu yang tinggal di negeri Johor) tanpa singgah di mana-mana tempat selain darinya atau di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia (bagi individu yang tinggal di luar negeri Johor). Mereka perlu menjalani ujian PCR COVID-19 dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia.

- **Pengurusan Pengembara Yang Menjalani Kuarantin Di Kediaman (Bagi Individu Yang Tinggal Di Negeri Johor):** Sepanjang menjalani arahan kuarantin ini, iaitu sementara menunggu keputusan ujian PCR COVID-19 yang telah dijalannya, pengembara berkenaan perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:
  - i. Perlu sentiasa boleh dihubungi pada setiap masa;
  - ii. Kuarantin dalam bilik berasingan, iaitu tidak ada kontak dengan ahli keluarga / isi rumah yang lain;
  - iii. Mengamalkan penjarakan fizikal yang optimum pada setiap masa, iaitu menggunakan pelitup separuh muka apabila keluar dari bilik dan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter;
  - iv. Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*).
  - v. Mengemaskini status kesihatan kendiri (*Home Assessment Tool; HAT*) dalam aplikasi MySejahtera setiap hari.

Mengambilkira arahan Perintah Pegawasan dan Pemerhatian yang telah dikeluarkan ke atasnya sepanjang tempoh tersebut – kegagalan beliau untuk mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 22 Akta 342 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 24 Akta 342. Justeru, pengembara tersebut perlu kekal berada di penginapannya, sementara menunggu keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang telah dijalankan.

Sekiranya keputusan ujian COVID-19 tersebut didapati negatif, pengembara tersebut perlu mengemukakannya ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan pelepasan dari menjalani Perintah Pegawasan dan Pemerhatian serta gelang tangan pengawasan akan ditanggalkan oleh Pegawai Yang Diberikuasa.

Sekiranya keputusan ujian COVID-19 tersebut didapati positif, pengembara terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

- **Pengurusan Pengembara Yang Menjalani Kuarantin di Stesen Kuarantin Yang Ditetapkan Oleh Kerajaan Malaysia (Bagi Individu Yang Tinggal Di Luar Johor):** Mereka perlu menjalani arahan kuarantin ini sementara menunggu keputusan ujian PCR COVID-19 yang telah dijalannya. Mereka perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin tersebut berdasarkan kos yang telah dipersetujui. Setiap individu yang terlibat juga perlu menandatangani Borang Aku Janji dan Indemniti (LoU) sebagai persetujuan membayar kos kuarantin yang dikenakan. Perincian lanjut mengenainya boleh diakses melalui garispanduan yang terdapat di laman sesawang berikut: <http://www.nadma.gov.my/info/panduan-kebenaran-memasuki-malaysia-mulai-24-julai-2020>

Proses daftar keluar individu terbabit daripada Stesen Kuarantin adalah mengikut ketetapan sedia ada yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sekiranya keputusan ujian yang dijalannya didapati negatif, beliau akan diberikan pelepasan dari menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian, serta akan dibenarkan meninggalkan Stesen Kuarantin untuk pulang ke rumah.

Sekiranya keputusan ujian tersebut didapati positif, individu terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

- Bagi pengembara yang telah diberikan pelepasan dari menjalani Perintah Pegawasan dan Pemerhatian, mereka adalah amat digalakkan untuk meneruskan amalan penjarakan fizikal yang optimum seperti berikut, sekurang-kurangnya dalam **tempoh 14 hari dari tarikh ketibaannya**:
  - i. Mengelakkan dari berkunjung ke tempat tumpuan ramai – segala urusan jual beli, perbankan dan sebagainya amat digalakkan untuk dijalankan secara atas talian serta hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
  - ii. Mengelakkan 3S / 3C; iaitu elakkan kawasan yang sesak (*crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*);
  - iii. Mengamalkan 3W; iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), pemakaian pelitup separuh muka (*face mask*) di tempat awam (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
    - Elak dari bersalaman / bersentuhan;
    - Amalkan etika batuk dan bersin yang betul;
    - Kerap lakukan aktiviti pembersihan dan disinfeksi;
  - iv. Sekiranya bergejala, mereka hendaklah segera mendapatkan rawatan dan memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk tindakan selanjutnya.
- Setelah tamat cuti pendek di Malaysia dan apabila beliau ingin kembali semula ke Singapura untuk menyambung berkerja bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan yang seterusnya, individu terbabit tidak perlu menjalani sebarang ujian pengesanan COVID-19 sejurus sebelum berlepas pulang ke Singapura. Sebaliknya, sebaik tiba di sana beliau adalah tertakluk kepada pengurusan kesihatan sedia ada yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Singapura.

Seterusnya, berikut adalah tatacara pengurusan kesihatan bagi **rakyat atau penduduk tetap (*permanent resident; PR*) Singapura** yang memasuki Malaysia di bawah skim PCA dan memiliki ‘MyTravel Pass’ sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (merujuk kepada carta alir pada ‘Lampiran 2B’):

- Pengembara dikehendaki untuk memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki Malaysia ke dalam telefon pintar mereka. Pautan bagi aplikasi tersebut adalah seperti berikut: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my>
- Semasa ketibaan di PMA mereka perlu melalui saringan demam dan gejala yang dijalankan. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Pengembara tersebut perlu menjalani arahan kuarantin selama **tujuh (7) hari** di rumah kediaman / penginapan yang disediakan oleh pihak majikan (bagi individu yang bekerja di negeri Johor) atau di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia (bagi individu yang bekerja di luar negeri Johor). Justeru, semasa tiba di PMA pengembara ini perlu diberikan barang berikut oleh anggota kesihatan yang bertugas:
  - i. Borang Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Seksyen 15 (1) Akta 342 yang telah dilengkapkan;
  - ii. Gelang tangan (*wristband*) pengawasan untuk dipakai selama tempoh menjalani arahan kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian selama tujuh (7) hari tersebut;
  - iii. Helaian yang mengandungi perincian mengenai *Home Assessment Tool* (HAT) atau memaklumkan kepada pengembara mengenai fungsi kemaskini status kesihatan (HAT) yang juga boleh diakses melalui aplikasi MySejahtera.

Anggota kesihatan juga perlu menjelaskan kepada pengembara tersebut mengenai tanggungjawabnya untuk menjalani ujian PCR COVID-19; di mana-mana fasiliti kesihatan diiktiraf KKM yang menawarkan perkhidmatan tersebut, pada hari ke-5 selepas tiba di Malaysia.

Selepas itu, mereka akan terus bergerak meninggalkan PMA untuk menjalani kuarantin di rumah kediaman / penginapan yang disediakan oleh pihak majikan (bagi individu yang bekerja di negeri Johor) tanpa singgah di mana-mana tempat selain darinya atau di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia (bagi individu yang bekerja di luar negeri Johor).

- **Pengurusan Pengembara Yang Menjalani Kuarantin Di Kediaman (Bagi Individu Yang Bekerja Di Negeri Johor):** Sepanjang menjalani arahan kuarantin selama tujuh (7) hari ini, pengembara berkenaan perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:
  - i. Perlu sentiasa boleh dihubungi pada setiap masa;
  - ii. Kuarantin dalam bilik berasingan, iaitu tidak ada kontak dengan penghuni yang lain dalam kediaman tersebut;

- iii. Mengamalkan penjarakan fizikal yang optimum pada setiap masa, iaitu menggunakan pelitup separuh muka apabila keluar dari bilik dan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter;
- iv. Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer*).
- v. Sekiranya bergejala, mereka hendaklah segera mendapatkan rawatan dan memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk tindakan selanjutnya.
- vi. Mengemaskini status kesihatan kendiri (*Home Assessment Tool; HAT*) dalam aplikasi MySejahtera setiap hari.

Mengambil kira arahan Perintah Pegawasan dan Pemerhatian yang telah dikeluarkan ke atasnya sepanjang tempoh tersebut – kegagalan beliau untuk mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 22 Akta 342 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 24 Akta 342. Justeru, pengembara tersebut perlu kekal berada di penginapannya sepanjang tempoh tersebut.

Pihak majikan perlu memastikan beliau menjalani ujian PCR COVID-19 pada hari ke-5 di mana-mana fasiliti kesihatan diiktiraf KKM yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

Sekiranya keputusan ujian tersebut didapati negatif, pengembara tersebut perlu mengemukakannya ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan pelepasan dari menjalani Perintah Pegawasan dan Pemerhatian serta gelang tangan pengawasan akan ditanggalkan oleh Pegawai Yang Diberikuasa.

Sekiranya keputusan ujian tersebut didapati positif, pengembara terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

- **Pengurusan Pengembara Yang Menjalani Kuarantin di Stesen Kuarantin Yang Ditetapkan Oleh Kerajaan Malaysia (Bagi Individu Yang Bekerja Di Luar Johor):** Mereka perlu menjalani arahan kuarantin ini untuk tempoh tujuh (7) hari. Mereka perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin tersebut berdasarkan kos yang telah dipersetujui. Setiap individu yang terlibat juga perlu menandatangani Borang Aku Janji dan Indemniti (LoU) sebagai persetujuan membayar kos kuarantin yang dikenakan. Perincian lanjut mengenainya boleh diakses melalui garispanduan berikut: <http://www.nadma.gov.my/info/panduan-kebenaran-memasuki-malaysia-mulai-24-julai-2020>

Mereka perlu menjalani ujian PCR COVID-19 pada hari ke-5. Proses daftar keluar individu terbabit daripada Stesen Kuarantin adalah mengikut ketetapan sedia ada yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sekiranya keputusan ujian yang dijalani didapati negatif, beliau akan diberikan pelepasan dari menjalani Perintah Pengawasan dan

Pemerhatian paha yang ke-7, serta akan dibenarkan meninggalkan Stesen Kuarantin untuk pulang ke kediamannya dan mula bekerja.

Sekiranya keputusan ujian tersebut didapati positif, individu terbabit perlu segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.

- Bagi pengembara yang telah diberikan pelepasan dari menjalani Perintah Pegawasan dan Pemerhatian, mereka adalah amat digalakkan untuk meneruskan amalan penjarakan fizikal yang optimum seperti berikut, sekurang-kurangnya dalam **tempoh 7 hari yang seterusnya**:
  - i. Mengelakkan dari berkunjung ke tempat tumpuan ramai – segala urusan jual beli, perbankan dan sebagainya amat digalakkan untuk dijalankan secara atas talian serta hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
  - ii. Mengelakkan 3S / 3C; iaitu elakkan kawasan yang sesak (*crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*);
  - iii. Mengamalkan 3W; iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), pemakaian pelitup separuh muka (*face mask*) di tempat awam (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
    - Elak dari bersalaman / bersentuhan;
    - Amalkan etika batuk dan bersin yang betul;
    - Kerap lakukan aktiviti pembersihan dan disinfeksi;
  - iv. Sekiranya bergejala, mereka hendaklah segera mendapatkan rawatan dan memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran untuk tindakan selanjutnya.
- Setelah bekerja bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan di Malaysia dan apabila beliau ingin memasuki Singapura bagi cuti pendeknya disana, individu terbabit tidak perlu menjalani sebarang ujian pengesanan COVID-19 sebelum berlepas pulang ke Singapura. Sebaliknya, apabila tiba di sana beliau adalah tertakluk kepada pengurusan kesihatan sedia ada yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Singapura.

## **PENGECUALIAN DAN PEMAKAIAN TATACARA**

Semua individu yang masuk ke Malaysia dengan menggunakan skim RGL dan PCA ini adalah tertakluk kepada ketetapan dari aspek kesihatan yang telah digariskan melalui tatacara ini. Sebarang permohonan bagi mendapatkan pengecualian hendaklah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Pemakaian tatacara ini berkuat kuasa daripada 10 Ogos 2020 sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan Malaysia.

**RECIPROCAL GREEN LANE (RGL) FOR CROSS BORDER MOVEMENT  
BETWEEN MALAYSIA & SINGAPORE**

<b>Scenario 1:</b>	Legally resident in <b>Singapore</b> , who need to make <b>single-entry</b> essential travel including for <b>business and official</b> purposes in Malaysia
<b>Prerequisites:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sponsored travellers</li> <li>• Maximum period of stay: 14 days</li> <li>• Travellers must have remained in Singapore for at least 14 days prior to departure to Malaysia</li> <li>• Travellers should monitor their health status before departure from Singapore and not depart for Malaysia if they feel unwell</li> <li>• Travellers will bear the cost of the COVID-19 test done</li> <li>• Malaysia and Singapore will allow the entry of up to 400 eligible travellers per week from each side</li> </ul>

**APPLICATION BEFORE DEPARTURE**

**MyTravel Pass Online (<http://www.mtp.imi.gov.my/>):** The receiving enterprise / government agency in Malaysia apply on behalf of the applicant:

- To provide the sponsored traveller's flight itinerary and proof of hotel accommodation
- Pre-trip health and travel history declaration
- Controlled itinerary
- A certificate of having tested negative via COVID-19 PCR test; i.e. undertake at least once within 72 hours before departure



**ARRIVAL IN MALAYSIA**

- Transport from airport / land crossing to declared non-residential accommodation will be provided by the receiving / government agency
- Travellers must subscribe to the relevant contact tracing mobile applications & technology solutions that are in place at the time of travel (e.g. MySejahtera mobile application)
- To undertake a COVID-19 PCR / RTK Antigen test at point of entry (e.g. KLIA, klia2, Penang International Airport) or within 24 hours post-arrival in Malaysia



**POSITIVE COVID-19 TEST**

- He / she promptly accorded the necessary medical treatment by the Malaysian Government
- To be managed accordingly



**NEGATIVE COVID-19 TEST**

- The receiving enterprise / government agency will ensure that the travellers is transported as per their controlled itinerary during their stay in Malaysia



**RETURNING TO SINGAPORE**

- Subjected to health screening at the Point of Entry
- Subjected to 14 days stay home notice (SHN)
- To undertake COVID-19 PCR test close to the end of the SHN & release from SHN if tested negative

**RECIPROCAL GREEN LANE (RGL) FOR CROSS BORDER MOVEMENT  
BETWEEN MALAYSIA & SINGAPORE**

<b>Scenario 2:</b>	Legally resident in <b>Malaysia</b> , who need to make <b>single-entry</b> essential travel including for <b>business and official</b> purposes in Singapore
<b>Prerequisites:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sponsored travellers</li> <li>• Maximum period of stay: 14 days</li> <li>• Travellers must have remained in Malaysia for at least 14 days prior to departure to Singapore</li> <li>• Travellers should monitor their health status before departure from Malaysia and not depart for Singapore if they feel unwell</li> <li>• Travellers will bear the cost of the COVID-19 test done</li> <li>• Malaysia and Singapore will allow the entry of up to 400 eligible travellers per week from each side</li> </ul>

**APPLICATION BEFORE DEPARTURE**

- a) **SafeTravel Portal:** The receiving enterprise / government agency in Singapore apply on behalf of the applicant:
  - To provide the sponsored traveller's flight itinerary and proof of hotel accommodation
- b) **SG Arrival Card e-Service:** The applicant to submit the following:
  - Pre-trip health and travel history declaration
  - Controlled itinerary
  - A certificate of having tested negative via COVID-19 PCR test; i.e. undertake at least once within 72 hours before departure



**ARRIVAL IN SINGAPORE**

- Transport from airport / land crossing to declared non-residential accommodation will be provided by the receiving / government agency
- Travellers must subscribe to the relevant contact tracing mobile applications & technology solutions that are in place at the time of travel (e.g. TraceTogether mobile application)
- To undertake a COVID-19 PCR test after arrival and undergo stay home notice (SHN) in a declared non-residential accommodation location until their test results are released



**POSITIVE COVID-19 TEST**

- He / she promptly accorded the necessary medical treatment by the Singapore Government – the traveller will bear the cost of medical treatment in Singapore
- To be managed accordingly



**NEGATIVE COVID-19 TEST**

- The receiving enterprise / government agency will ensure that the travellers is transported as per their controlled itinerary during their stay in Singapore




**RETURNING TO MALAYSIA**

- Subjected to health screening at the Point of Entry
- Subjected to a 14-day mandatory quarantine at the designated Quarantine Station (at own cost)
- To undertake COVID-19 RTK Antibody test at Day-13 and release from the quarantine order if tested negative

**PERIODICAL COMMUTING ARRANGEMENT (PCA) FOR CROSS BORDER MOVEMENT  
BETWEEN MALAYSIA & SINGAPORE**

<b>Scenario 1:</b>	<b>Malaysian citizens or permanent residents (PR) who hold a long-term visas in Singapore for business or work purposes</b>
<b>Prerequisites:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Remained in Malaysia since closure of border between Malaysia and Singapore and wish to return to Singapore to resume work; <b>OR</b> have work for at least three (3) consecutive months in Singapore</li> <li>Travellers should monitor their health status before departure from either country of origin or country of work and not depart for their destination if they feel unwell</li> <li>Travellers will bear the cost of the COVID-19 test done</li> <li>Malaysia and Singapore will issue PCA Passes for up to 2,000 eligible travellers per day from each side</li> </ul>



**PERIODICAL COMMUTING ARRANGEMENT (PCA) FOR CROSS BORDER MOVEMENT  
BETWEEN MALAYSIA & SINGAPORE**

<b>Scenario 2:</b>	<b>Singapore</b> citizens or permanent residents (PR) who hold a long-term visas in Malaysia for business or work purposes
<b>Prerequisites:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Remained in Singapore since closure of border between Malaysia and Singapore and wish to return to Malaysia to resume work; <b>OR</b> have work for at least three (3) consecutive months in Malaysia</li> <li>• Travellers should monitor their health status before departure from either country of origin or country of work and not depart for their destination if they feel unwell</li> <li>• Travellers will bear the cost of the COVID-19 test done</li> <li>• Malaysia and Singapore will issue PCA Passes for up to 2,000 eligible travellers per day from each side</li> </ul>

